



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 36/2012 (2 hingga 8 September 2012)

Pada minggu ke 36, iaitu dari 2 hingga 8 September 2012, sejumlah 354 kes telah dilaporkan berbanding 372 kes pada minggu sebelumnya (*Lampiran A*). Enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Perak meningkat sebanyak 12 kes (32%), Kedah 7 kes (54%), Pulau Pinang 3 kes (38%), Melaka 2 kes (100%), Perlis 1 kes (50%) dan Johor 1 kes (4%). Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Demam Denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 8 September 2012 adalah 15,268 kes berbanding 13,743 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011, peningkatan sebanyak 11% (1,525 kes). Kumulatif kes kematian Demam Denggi di Malaysia juga telah meningkat sebanyak 5 kes di mana 27 kes dilaporkan pada tahun ini berbanding 22 kes kematian pada tahun 2011.

Bagi tempoh yang sama, sejumlah 71,937 premis diseluruh negara telah diperiksa dan di dapati 858 premis mempunyai pembiakan *Aedes* yang memberikan nilai pembiakan *Aedes* 1.19% melebihi nilai sensitif 1.0%. Sejumlah 8 negeri menunjukkan nilai pembiakan yang tinggi iaitu Perlis (3.6%), Kedah (2.8%), Selangor (2%), Pulau Pinang (2%), WPKL & Putrajaya (1.5%), Sarawak (1.3%), Kelantan (1.2%), dan Johor (1.2%).

Pada musim peperiksaan utama yang berlangsung sekarang ini, para ibubapa perlu lebih prihatin tentang tahap kebersihan rumah dengan meluangkan masa 10 minit seminggu membersihkan kawasan persekitaran

rumah untuk menghapuskan tempat pembiakan Aedes bagi menghindar jangkitan Demam Denggi dikalangan anak-anak. Dari Januari sehingga 8 September 2012, terdapat 1,130 kes Demam Denggi dan 3 kematian yang melibatkan pelajar sekolah berumur di antara 7 hingga 12 tahun. Bagi kanak-kanak yang mendapat tanda-tanda awal Demam Denggi seperti demam, sakit sendi, sakit badan dan ruam perlulah dapatkan rawatan dengan segera.

Penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan Denggi melalui projek COMBI (Communication for Behavior Impact) hendaklah di aktifkan, terutama pada negeri yang mengalami peningkatan kes berterusan pada tahun ini seperti negeri Kedah. Walaupun terdapat 91 projek dengan penglibatan 2,641 sukarelawan COMBI di negeri Kedah sehingga kini namun ianya perlu di tingkatkan lagi dengan keadaan situasi Denggi semasa di negeri itu. Bagi seluruh negara, terdapat sebanyak 2,035 Projek COMBI telah dilaksanakan dengan penglibatan 39,645 sukarelawan sehingga September 2012.

Dengan keadaan musim hujan yang melanda kebanyakan negeri pada masa ini, masyarakat perlu berhati-hati dengan memastikan tiada bekas-bekas yang boleh menakung air terbiar di kawasan halaman rumah yang boleh menjadi tempat pembiakan Aedes. Inisiatif dari masyarakat juga diharapkan untuk menjalankan aktiviti gotong royong bersama bagi membersihkan kawasan kejiranan, sila berhubung dengan Pejabat Kesihatan Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya memerlukan bantuan dalam melaksanakan aktiviti gotong royong di kawasan anda.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

14 September 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 36/2012  
( 2 hingga 8 September 2012 )**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 36/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 36/2011
		Minggu 36 (2 - 8 September 2012)	Minggu 35 (26 Ogos - 1 September 2012)		
1	Perlis	3	2	134	70
2	Kedah	20	13	610 (3)	327
3	P. Pinang	11	8	570 (1)	1,296 (2)
4	Perak	49	37 (1)	1,129 (5)	873 (2)
5	Selangor	124	134	6,657 (11)	5,247 (5)
6	WPKL & Putrajaya	16	24	1,346 (3)	1,294 (1)
7	N. Sembilan	9	20	358 (1)	539 (2)
8	Melaka	4	2	356	280
9	Johor	28	27	1,154 (1)	1,168 (5)
10	Pahang	7	7	455 (1)	645 (1)
11	Terengganu	11	19	563	476 (1)
12	Kelantan	26	29	830	515 (1)
13	Sarawak	29	33	735	701
14	Sabah	17	17	363 (1)	303 (2)
15	WP Labuan	0	0	8	9
	<b>MALAYSIA</b>	<b>354</b>	<b>372 (1)</b>	<b>15,268 (27)</b>	<b>13,743 (22)</b>

Nota: ( ) Kematian